

Tambah nilai bantuan



Najib mendengar penerangan daripada Zulkefli sambil diperhatikan Adnan (kiri) ketika melawat projek tebatan banjir di Perkampungan Sungai Isap, semalam.

KUANTAN- Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak mencadangkan supaya kerajaan negeri mempertimbangkan untuk menambah bantuan kepada setiap keluarga mangsa banjir daripada kadar nasional RM500 yang diberikan kerajaan pusat.

Menurutnya, tambahan itu dapat membantu mengurangkan beban mangsa banjir walaupun sudah kehilangan dan kemusnahan harta benda.

"Kita mengucapkan terima kasih kepada mereka (mangsa) yang bersabar dan bencana ini memang sukar dan tak diingini. Dengan kerjasama semua pihak, harap semua mangsa dapat bangkit daripada musibah ini.

"Memang ada timbul masalah terutamanya logistik, bila anggota tentera tak dapat masuk. Hujan yang turun pada minggu lalu juga bukan dalam kadar biasa," katanya.

Beliau berkata sedemikian kepada pemberita selepas melawat tapak projek tebatan banjir di Perkampungan Sungai Isap, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Shahidan Kassim.

Dalam lawatan itu, Najib menerima penerangan daripada Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri, Datuk Ir Zulkefli Hassan mengenai keadaan banjir di kawasan terbabit.